

# Melayu paling ramai derma sel stem

## 14,300 daftar penderma sum sum tulang

Oleh Sazarina Shahrim  
Sazarina@bharian.com.my

**K**UALA LUMPUR: Berbeza dengan pendermaan organ, orang Melayu mencatatkan jumlah penderma sel stem tertinggi berbanding kaum lain, kata Pengarah Pusat Terapi Sel, Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM), Prof Dr S Fadilah Abd Wahid.

Beliau berkata, daripada 14,300 yang mendaftar dengan Daftar Penderma Sum Sum Tulang Malaysia (MMDR) setakat ini, 60 peratus adalah Melayu, 30 peratus Cina manakala selebihnya adalah India dan Bumiputera Sabah dan Sarawak.

Bagaimanapun, katanya jumlah keseluruhan yang mendaftar itu adalah jauh lebih rendah daripada 30,000 pendaftar yang disasarkan oleh MMDR.

"Di Malaysia, di kalangan adik beradik sendiri kebarangkalian untuk mendapat sel stem yang sesuai adalah sekitar 20 hingga 30 peratus saja. Ini sangat rendah, jadi kita memerlukan sel stem orang luar. Oleh kerana, pe-

mindahan sel memerlukan kesesuaian, kita memerlukan lebih ramai penderma supaya kebarangkalian untuk mendapat sel stem yang sesuai adalah tinggi.

"Ada pelbagai faktor kurangnya mereka mendaftar untuk menderma antaranya takut ada kesan sampingan terhadap diri penderma, kurang faham mengenai kepentingan menderma, meragui sama ada boleh atau tidak dalam hukum Islam dan sebagainya. Sebenarnya semua ini tidak harus menimbulkan masalah," katanya kepada pemberita selepas Forum Perdana mengenai 'Konsep Pendermaan sel stem daripada perspektif perubahan, agama dan hak asasi manusia' di sini, semalam.

Bukan saja pendermaan sel stem tidak mendapat sambutan daripada rakyat Malaysia malah pendermaan organ turut mengalami masalah yang sama walaupun kini terdapat peningkatan.

Namun, berbeza dengan pendermaan sel stem, hanya sekitar 10 peratus daripada pengikrar untuk menderma organ adalah bangsa Melayu.

Seorang lagi ahli panel

dari Yayasan Ilmuan, Wan Sheikh Saiudin Sheikh Mohd Saleh pula berkata, tidak timbul soal haram untuk mendermakan sel stem kepada orang bukan Islam mahupun menerima daripada mereka kerana ia membantu menyelamatkan nyawa.

"Dari sudut agama, pendermaan organ adalah perbuatan mulia jika dilakukan dengan niat ikhlas kepada mereka yang memerlukan. Orang Islam seharusnya menjadi orang pertama yang menderma kerana Islam ada menyatakan tangan yang memberi itu lebih baik," katanya.

Sementara itu, Pesuruhjaya Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam), Datuk N Siva Subramaniam, berkata pendedahan berterusan amat diperlukan supaya lebih ramai rakyat negara ini menderma sel stem mereka.

Bagaimanapun, beliau berkata, langkah memberi insentif kepada orang ramai untuk menderma tidak harus dilakukan kerana bimbang pihak yang tidak bertanggungjawab akan mengambil kesempatan terhadap tindakan itu.